

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN  
AHMAD [ KUALA SELANGOR ]**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [ KUALA SELANGOR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dalam mencegah masalah korupsi dalam negara terutamanya dalam sektor korporat.

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI(PARLIMEN DAN  
UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 telah diluluskan pindaan oleh Parlimen pada April 2018 dan telah diwartakan pada 4 Mei 2018.

Walau bagaimanapun, seksyen yang memperuntukan liabiliti jenayah rasuah ke atas organisasi komersial ini tidak dikuatkuasakan serta merta. Kerajaan telah membenarkan penangguhan tempoh dua tahun diberikan kepada organisasi komersial mulai tarikh pewartaan undang-undang tersebut bagi membolehkan organisasi komersial melakukan persediaan sewajarnya sebelum peruntukan undang-undang baharu ini dikuat kuasa sepenuhnya. Kemudiannya Seksyen 17A ASPRM 2009 ini telah diwartakan pada 1 Jun 2020 yang lalu.

## **NO. SOALAN : 139**

Seksyen 17A SPRM telah memperuntukkan panduan umum yang boleh digunakan oleh organisasi komersil dalam pencegahan rasuah, amalan tadbir urus terbaik dan pengukuhan integriti. Inilah satu-satunya seksyen di dalam ASPRM yang meletakkan kepentingan tindakan mencegah rasuah secara proaktif. Dengan menjadikan garis panduan tatacara mencukupi yang telah disediakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai amalan dan budaya di dalam organisasi komersil, aktiviti perniagaan di Malaysia akan lebih berdaya saing, mewujudkan persekitaran yang bersih dan sekaligus akan merencanakan perkembangan ekonomi negara.

Penguatkuasaan Seksyen 17A merupakan tindakan agresif kerajaan untuk menangani permasalahan rasuah dikalangan komuniti perniagaan yang dirujuk sebagai organisasi komersil. Walau bagaimanapun SPRM mendapati kesedaran organisasi komersial terhadap keperluan menyediakan tatacara mencukupi untuk pencegahan rasuah adalah meningkat berdasarkan permintaan oleh organisasi komersial untuk mendapatkan maklumat dan kefahaman berhubung seksyen ini.

SPRM percaya bahawa Seksyen 17A ASPRM ini akan memberikan impak yang positif dalam mengurangkan jenayah rasuah yang melibatkan organisasi komersial di Malaysia. Keberkesanan seksyen ini masih belum dapat diukur kerana sejak dikuatkuasakan SPRM masih belum menerima aduan untuk memulakan apa-apa siasatan di bawah Seksyen 17A ASPRM.

Sekian, terima kasih.